**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA**
**KENYATAAN SEBUT HARGA**
**(SEBUT HARGA NO. JBPM:MK/06/2021)**

1. Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di **Daerah Melaka Tengah** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bertaraf Bumiputera dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

| Pejabat yang memanggil Sebut Harga | Tajuk Projek | Sah laku | Kelayakan | Tempat & Tarikh Dokumen Sebut harga Diperolehi | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|---|
| Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka<br><br>Tarikh iklan : 06.05. 2021 | **Kerja-kerja Mengecat Semula Bangunan Serta Kerja-kerja Berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka Tahun 2021**<br><br>**Taklimat**<br><br>**Tempat : Ruang Legar Stor Pengurusan Ibu Pejabat JBPM Melaka, Bukit Katil**<br><br>**Tarikh : 10 Mei 2021 (Isnin)**<br><br>**Waktu: 9.30 pagi**<br><br>**Kehadiran: Penama pada sijil diwajibkan hadir lawatan tapak dengan mematuhi SOP Kementerian Kesihatan iaitu memakai penutup mulut & hidung dan penjarakan sosial. Sila bawa sijil-sijil berkaitan.**<br><br>Sila berhubung dengan pegawai berikut untuk sebarang pertanyaan lanjut :<br><br>PKPgB Mohd Hafifi bin Roslan<br>No. Tel : 06-2513100 | **Tempoh Sah Laku Tawaran**<br>**90 hari** | **CIDB**<br><br>**Gred G1**<br><br>Kategori B<br><br>Pengkhususan<br><br>**B14 (Kerja-kerja Cat)** | Cawangan Pengurusan Kewangan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka**,** Peti Surat 372, Jalan Tun Hamzah, Hang Tuah Jaya, 75450 Bukit Katil Melaka.<br><br>*Serahan melalui emel **Mulai 10.05.2021 (Isnin)** | Peti Sebutharga, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka , Peti Surat 372, Jalan Tun Hamzah, Hang Tuah Jaya, 75450 Bukit Katil Melaka<br><br>**Tarikh: 17.05.2021 (Isnin)**<br><br>**Masa : 12.00 tengahari** |

2. Dokumen Sebut Harga ini akan **diemel** kepada kontraktor yang berminat mulai **10 Mei 2021 (Isnin)** selepas lawatan tapak. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR** yang masih berkuatkuasa serta salinan-salinan pendua semasa menghadiri lawatan tapak.

**3. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA:**

**PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI OLEH PENYEBUTHARGA SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK (MANDATORI) :**

3.1 Pakai peralatan perlindungan diri (Penutup mulut & hidung)

3.2 Menjalani pemeriksaan suhu (suhu melebihi 37.5 tidak dibenarkan menyertai lawatan tapak).

3.3 Gunakan pembasmi kuman (handsanitizer) sebelum & selepas pendaftaran.

3.4 Kekalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.

3.5 Sila bawa & gunakan alatulis sendiri untuk sebarang urusan termasuk mengisi dokumen.

3.6 Menyerahkan salinan sijil berkaitan dan mendaftar rekod kehadiran yang disediakan.

Kegagalan untuk mematuhi arahan ini akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan mengikuti taklimat ini.

**4. KEHADIRAN TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**.

5. **Sijil Pendaftaran** dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang **asal** dan masih sah hendaklah **ditunjukkan semasa pendaftaran** dan **salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Melaka. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak.**

6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka **,** Peti Surat 372, Jalan Tun Hamzah, Hang Tuah Jaya, 75450 Bukit Katil Melaka pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 17 Mei 2021 (Isnin).** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.